

## Bekalan makanan untuk Aidilfitri cukup

JOHOR BAHRU - Kerajaan memberi jaminan bekalan makanan mencukupi bagi menampung keperluan pada musim perayaan termasuk Aidilfitri dan Hari Gawai.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, setakat ini tiada aduan bekalan tidak mencukupi yang diterima.

Menurutnya, kesemua harga barangan dikuatkuasakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna malah gabungan antara agensi berkenaan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dilihat berkesan dalam memastikan kesemua barangan mencukupi.

"Berdasarkan turun padang, walaupun tidak boleh puas hati sepenuhnya, tetapi barangan didapati segar, tidak

langgar harga ditetapkan dan alhamdulillah, dijual pada harga kawalan.

"Ikan kembung didapati dijual pada harga RM12 sekilogram, daging segar pada harga RM32 sekilogram berbanding RM34 manakala ayam segar RM7 sekilogram malah ada yang menjual pada harga RM6.50 atau RM5.50 sekilogram," katanya selepas melancarkan Program Jualan Jimat Belanja Aidilfitri di Pasar Tani Datin Halimah semalam.

Sementara itu Timbalan Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Johor, Shahrizan Sudiman berkata, orang ramai boleh menikmati potongan harga sehingga 20 peratus bagi produk di Pasar Tani Khas sempena Aidilfitri yang bermula semalam.



Salahuddin (kanan) meninjau jualan daging rusa di Pasar Tani Datin Halimah di Johor Bahru semalam.